

## BAB: 9

### PEMIMPIN ORANG INDIA DALAM KERAJAAN SEBAGAI MENTERI PERPADUAN

Tun Sambanthan tidak putus-putus diberi kepercayaan oleh Perdana Menteri Malaysia untuk memegang jawatan menteri dalam kabinet negara. Pada akhir tahun 1971, Tun Sambanthan dilantik sebagai Menteri Perpaduan.<sup>1</sup> Perdana Menteri ketika itu, Tun Abdul Razak berpendapat tugas ini penting dan orang yang patut mengendalikan kementerian itu mestilah dari seorang menteri kanan dan berpengalaman.<sup>2</sup> Walaupun sudah meningkat usia, Tun Sambanthan masih dianggap '*very much mentally alive and physically active*'.<sup>3</sup> Dengan penuh harapan dan keyakinan, beliau diberi tanggungjawab untuk mengendalikan portfolio Kementerian Perpaduan dari tahun 1971 hingga 1974. Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia, percaya Tun Sambanthan akan memainkan "*...role in the ultimate recognition for the need to formulate public policy on the issue of national unity.*"<sup>4</sup>

Apabila membicarakan tentang perpaduan di Malaysia sudah tentu ia melibatkan integrasi kaum antara orang Melayu, Cina dan India. Pada tahun 1969, buat kali pertama selepas 12 tahun negara mencapai kemerdekaan, hubungan kaum terjejas disebabkan oleh ketidakseragaman dalam pencapaian sosio-ekonomi rakyat Malaysia. Misalnya, 80% orang India yang tertumpu di estet hidup di bawah garis kemiskinan dengan memperolehi

---

<sup>1</sup> *Straits Times*, 23 December 1971.

<sup>2</sup> *Berita Harian*, 23 Disember 1971.

<sup>3</sup> *New Sunday Times*, 25 March 1979.

<sup>4</sup> *Ibid.* (*Straits Times*, 22 October 1974 - Pada tahun 1974, beliau dilantik sebagai Pengerusi Badan Panel Penasihat Perpaduan Negara di bawah portfolio Jabatan Perdana Menteri. Sebelum perantikan ini iaitu pada 19hb September 1974, Tun Sambanthan telahpun dilantik sebagai Pengerusi Majlis Muhibah (*National Goodwill Authority*)).

\$280 sebagai punca pendapatan bagi sebulan.<sup>5</sup> Krisis 13 Mei 1969<sup>6</sup> merupakan satu peristiwa hitam dalam sejarah perhubungan kaum di Malaysia. Sebagai kesan langsung, MAGERAN atau Majlis Gerakan Negara ditubuhkan pada tahun 1970 untuk membaik pulih hubungan antara kaum di Malaysia. MAGERAN melancarkan Rukunegara sebagai langkah awal untuk menyatupadukan dan membentuk masyarakat Malaysia yang taat setia kepada tanahairnya. Pada masa yang sama, kerajaan menetapkan supaya ditubuhkan sebuah badan tertentu untuk dijadikan urusetia bagi menyelaras kerja-kerja muhibah antara kaum. Badan ini dikenali sebagai Jabatan Perpaduan Negara (JPN).<sup>7</sup> Tugas utama JPN adalah untuk menjalankan penyelidikan ke atas sikap antara kaum untuk memupuk muhibah serta memulihkan kembali hubungan rakyat dengan pemerintah.

Di samping JPN, Majlis-majlis Muhibah di peringkat pusat, negeri, daerah dan kampong ditubuhkan di bawah urusetia Pejabat Muhibah Negara. Pada 23hb Februari, 1971, **Majlis Perpaduan Negara**, dibentuk dan kemudian namanya ditukar kepada **Majlis Penasihat dan Perpaduan Negara**. Majlis ini ditadbir bersama oleh JPN dan Pejabat Muhibah Negara. Pada 1hb Januari, 1972 kedua-duanya dicantumkan dan digelar Kementerian Perpaduan Negara. Selepas pilihanraya umum 1974, Kementerian

---

<sup>5</sup> Insan and Authors, **Sucked Oranges**, Insan, Institute of Analysis, Petaling Jaya, 1989, hlm. 2.

<sup>6</sup> Peristiwa 13 Mei berpunca daripada tindakan penyokong-penyokong parti-parti pembangkang (DAP dan Gerakan) yang telah mengapi-apikan sentimen perkauman. Rusuhan telah meletus dan membawa kepada peristiwa berdarah. Ia berlaku 3 hari selepas Pilihanraya 1969. Leon Comber, **13 May 1969. A Historical Survey of Sino - Malay Relations**. Heinemann Asia, Singapore, 1983. Kesemua maklumat sejarah penubuhan Kementerian Perpaduan diambil daripada **Laporan Tahunan 1982**, Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara. Jabatan Perpaduan Negara, 1982.

<sup>7</sup> Kementerian Perpaduan Malaysia, **Laporan Tahunan 1982**, Jabatan Rukun Tetangga dan Perpaduan Negara. Jabatan Perpaduan Negara, 1982.

Perpaduan Negara ditukar nama kepada Badan Panel Penasihat Perpaduan Negara<sup>8</sup> atau Lembaga Perpaduan Negara.

### **Pelaksanaan Program Kementerian Perpaduan, 1971-74**

Sebagai Menteri Kementerian Perpaduan, Tun Sambanthan cukup sedar dengan tugas yang menantinya. Tun Sambanthan telah menerangkan secara panjang lebar tentang fungsi Kementeriannya dalam Dewan Rakyat pada tahun 1973.<sup>9</sup> Beliau telah menegaskan fungsi utama Kementerian adalah untuk menunjukkan kejujuran kerajaan dalam usahanya untuk menyelesaikan masalah yang terbesar dalam negara Malaysia iaitu untuk membentuk satu negara yang bersatupadu berasaskan **Rukunegara**.<sup>10</sup>

Objektif<sup>11</sup> Kementerian adalah untuk mengembangkan dan mengukuhkan muhibbah dan perpaduan di kalangan pelbagai kaum di Malaysia. Banyak rancangan kemasyarakatan dilancarkan untuk mencapai objektif ini. Ia juga boleh dikatakan sebagai satu Kementerian yang diwujudkan untuk meutamakan dan menyelaraskan program-program perpaduan yang selama ini tidak diberi penekanan oleh jentera kerajaan.

Tun Sambanthan bercadang agar Kementerian Perpaduan mempunyai fungsi bertindihan dengan kementerian atau agensi atau badan kerajaan yang lain dalam

---

<sup>8</sup> Dalam bahasa Inggeris ia hanya digelar sebagai *National Unity Board* dan ditubuhkan pada 28hb Oktober, 1974. Pada tahun 1999, Kementerian Perpaduan Negara diwujudkan semula dengan diketuai oleh Dato' Dr. Siti Zaharah Sulaiman.

<sup>9</sup> Malaysia, **Perbahasan Parlimen, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, Penggal Kedua, Jilid 2, Bil. 33-43, Disember 1972-Januari 1973**, Jabatan Cetak Negara, Kuala Lumpur, 1973.

<sup>10</sup> R. Karthigesu, **Sejarah Perkembangan Televisyen di Malaysia (1963-1983)**, Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur, 1994, hlm. 86-87. Jabatan Perpaduan Nasional yang ditubuhkan di bawah Majlis Gerakan Negara telah menggubal Rukunegara sebagai ideologi nasional dan diisytiharkan pada 31 Ogos 1970. Prinsip-prinsip yang terkandung adalah Kepercayaan kepada Tuhan; Kesetiaan kepada Raja dan Negara; Keluhuran Perlembagaan; Kedaulatan Undang-undang; dan Kesopanan dan Kesusilaan. Prinsip-prinsip ini telah membantu segala kegiatan alam kehidupan orang-orang Malaysia. Ia telah diedarkan melalui media dan menjadi topik pelajaran di sekolah.

memastikan program-program perpaduan yang dirancang oleh Kementerian Perpaduan dapat dilaksanakan dengan sepenuhnya. Cadangan ini mula melihat objektifnya apabila Kementerian Perpaduan menganggotai Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan Negara untuk meneliti cadangan-cadangan anggaran belanjawan berbagai-bagai Kementerian dan jabatan<sup>12</sup> dan ia juga terlibat dengan Kementerian Pelajaran dalam merancang sukatan pelajaran Sivik untuk sekolah rendah dan menengah.

Bahagian Penyelidikan, Kementerian Perpaduan menjalankan penyelidikan yang bercorak *policy-oriented* sama ada secara persendirian mahupun dengan kerjasama lain-lain agensi. Bahagian ini berperanan untuk mengkaji dan membentuk dasar yang boleh memupuk perpaduan. Penyelidikan yang dijalankan termasuk aspek-aspek sosio-ekonomi mengenai pekerjaan dalam industri-industri tertentu, masalah sosial dan pembangunan kampung-kampung baru, kampung-kampung biasa dan tempat-tempat yang kebanyakannya terdiri daripada orang-orang India<sup>13</sup> dan perpindahan penduduk dari desa ke bandar Kuala Lumpur. Kementerian Perpaduan juga berfungsi untuk mengadakan majlis dan dialog sama ada secara rasmi atau tidak dengan orang ramai untuk mendapatkan fikiran serta memahami sikap orang ramai terhadap aspek-aspek tertentu mengenai polisi dan rancangan-rancangan kerajaan. Pendekata, melalui penyelidikan dan sesi dialog seumpama ini, Kementerian Perpaduan dapat mengenalpasti masalah kemasyarakatan dan merancang program-program perpaduan yang bersesuaian dengan lapisan masyarakat.

---

<sup>11</sup> *Ibid.*, Ruangan, 4932.

<sup>12</sup> *Ibid.*, Ruangan, 4933.

<sup>13</sup> *Ibid.*, Ruangan, 4934.

Sejak memegang jawatan Menteri Perpaduan, beliau telah menyusun banyak program yang boleh memupuk perpaduan dan persefahaman di kalangan rakyat Malaysia. Tun Sambanthan telah menggunakan dua elemen dalam merancang program perpaduan. Rukunegara dan Bahasa Kebangsaan telah dianggap sebagai alat penyatuan kaum. Beliau telah menghuraikan kepentingan Rukunegara seperti di bawah:

*"The values and principles enshrined in the Rukunegara reflect the basis of our national unity and identity, and while they underline the complexities inherent in our multi-racial society, they indicate at the same time our determination to create therefore a viable Malaysian society, in which every Malaysian irrespective of race or creed, can enjoy a sense of belonging and a stake in this country".<sup>14</sup>*

Rukunegara telah dianggap sebagai simbol perpaduan kerana ia menggariskan beberapa rukun yang semestinya boleh mendokong cita-cita dan aspirasi semua kaum dalam proses menyatupadukan rakyat Malaysia. Apa yang menjadi penting adalah penghayatan. Dalam mencapai matlamat ini, Tun Sambanthan telah berpandukan prinsip Rukunegara dan berganding bahu dengan agensi-agensi lain dalam kerajaan untuk merancang beberapa program perpaduan bagi semua lapisan masyarakat yang terdiri daripada golongan dewasa, belia, murid sekolah dan pra-sekolah.

Tun Sambanthan menamakan program-program yang dirancang di bawahkementeriannya sebagai **Program Perhubungan Masyarakat**. Tun Sambanthan telah menegaskan dua aspek penting dalam pelaksanaan program ini. Yang pertama, program ini menitikberatkan kegiatan-kegiatan yang dapat merapatkan persefahaman dan

---

<sup>14</sup> Malaysia, **Perbahasan Parlimen Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga Penggal Ketiga, Jilid III, Bil. 32-52, Disember 1973-Januari 1974**, Jabatan Cetak Negara, Kuala Lumpur, 1974, Ruangan. 5089.

perpaduan di kalangan anggota masyarakat. Kedua, adalah tujuan asal iaitu menggalakkan hubungan yang baik di antara pihak-pihak berkuasa atau kerajaan dan pihak kerajaan dengan agensi-agensi lain.<sup>15</sup> Tugas ini dikendalikan oleh Bahagian Perhubungan Masyarakat, di bawah Kementerian Perpaduan.

Maka, Tun Sambanthan bersama-sama dengan pegawai-pegawai Perhubungan Masyarakat merancang beberapa aktiviti<sup>16</sup> bagi menjayakan program ini. Di antaranya adalah kelas tabika, pesta permainan rakyat, pertandingan berbentuk kesusasteraan, penerbitan majalah muhibah dan sebagainya. Melalui pelaksanaan aktiviti-aktiviti ini, masyarakat Malaysia dapat bergaul mesra dan menjalinkan hubungan yang baik. Tambahan, aktiviti-aktiviti yang dirancang sesuai dengan tema Program Perhubungan Masyarakat 'Komuniti kita, Negara Kita'. Tujuannya agar masyarakat Malaysia dapat bekerjasama dengan melibatkan diri dalam program-program yang dirancang oleh Kementerian Perpaduan agar objektifnya tercapai.

Pulau Pinang merupakan negeri pertama yang melaksanakan program ini.<sup>17</sup> Pada awalnya, sasaran program ini adalah di bandar sahaja tetapi setelah Tun Sambanthan berbincang dengan Ketua Menteri Pulau Pinang, Dr. Lim Chong-Eu, pelaksanaan program telah dilanjutkan ke kawasan luar bandar.<sup>18</sup> Namun, jarang sekali program ini diadakan di kawasan luar bandar kerana kekurangan kakitangan pelaksana dan kewangan. Bagi melicinkan pelaksanaan program ini, Tun Sambanthan telah mengarahkan penubuhan **Majlis Perhubungan Awam** di setiap negeri dan daerah. Ia

---

<sup>15</sup> *Ibid.*, Ruangan. 4935. Walaupun program ini dirancang pada tahun 1972 tetapi pelaksanaannya hanya dilihat pada tahun 1974, setelah dilancarkan di Parlimen (*Straits Times*, 3 December 1974.)

<sup>16</sup> *Straits Times*, 3 December 1974.

<sup>17</sup> *Straits Times*, 18 December 1974.

<sup>18</sup> *Ibid.*

berperanan untuk mengendalikan mesyuarat tahunan<sup>19</sup> yang bertujuan untuk membincangkan serta menyelesaikan masalah-masalah yang dialami oleh pegawai-pegawai perhubungan masyarakat di seluruh Malaysia. Di samping itu, mesyuarat ini juga bertujuan meningkatkan mutu serta kecekapan pegawai-pegawai perpaduan dalam menjalankan tugas.

Tun Sambanthan juga berpendapat adalah baik untuk menubuhkan **Pasukan Penyelamat Perhubungan Masyarakat** (*Community Relation Service Cooperation*),<sup>20</sup> yang akan berfungsi untuk menyelamatkan harta benda dan jiwa rakyat tempatan daripada malapetaka seperti banjir, kebakaran, gempa bumi serta mengesan dan mengurangkan penagih dadah di negara ini. Dengan mengambillberat masalah-masalah masyarakat, Tun Sambanthan percaya hubungan antara rakyat dengan kerajaan akan menjadi lebih rapat dan mesra. Tambahan, rakyat akan merasakan diri mereka dibela dan diberi perhatian. Program ini juga, mengenalpasti dan cuba menyelesaikan masalah-masalah yang berkaitan dengan setinggan, penjaja dan pusat rekreasi bagi kanak-kanak di bandar.<sup>21</sup>

Jelas sekali, Tun Sambanthan sentiasa prihatin agar aktiviti-aktiviti yang dirancang bukan sahaja dapat mengatasi masalah-masalah sosial yang melanda masyarakat Malaysia malahan dapat mengurangkan jurang antara kaya dan miskin. Dasar 'Pecah dan Perintah' yang diasaskan oleh pentadbir British masih menjadi amalan sehingga identiti orang Melayu di kampung, orang Cina di bandar dan orang India di estet tidak berubah.

<sup>19</sup> *New Straits Times Pamphlet*, "Ucapan Tun Sambanthan: Upacara Perasmian Mesyuarat Tahunan Setiausaha-setiausaha Majlis Perhubungan Masyarakat di Hotel Orkid, Johor Bahru pada 27hb. Mac 1979, jam 8.30 pagi, hlm.1.

<sup>20</sup> *New Straits Times Pamphlet*, "Ucapan Pengerusi Kerja, Lembaga Perpaduan Negara, Tun V.T. Sambanthan ketika merasmikan Mesyuarat Setiausaha-setiausaha Majlis Perhubungan Masyarakat dan Penyelia-penyelia Negeri Kelas Perpaduan Rakyat di Bilik Mesyuarat Negeri Pahang pada 3hb November 1978 jam 9.00 pagi," hl m. 2.

Rakyat Malaysia hidup dalam keadaan tertutup tanpa memahami budaya kaum-kaum lain. Sehingga Kementerian Perpaduan ditubuhkan tidak ada sebarang usaha untuk mengintegrasikan ketiga-tiga kaum di Malaysia. Kerajaan telah alpa dalam menitikberatkan perkara ini sehingga tercetusnya rusuhan kaum yang membuka matanya untuk bertindak bagi kebaikan negara dan bangsa. Tambahan, 70% penduduk yang tinggal di kawasan luar bandar tidak kira orang Melayu, Cina atau India hidup di bawah paras kemiskinan. Sebab itu masalah-masalah golongan pertengahan dan bawahan seringkali diberi perhatian agar golongan ini tidak ketinggalan berbanding dengan golongan atasan. Dalam mencapai matlamat ini, beliau seringkali menemui kegagalan kerana kurangnya kerjasama ataupun bantuan daripada golongan atasan dari segi sokongan moral ataupun kebendaan.

Antara program terpenting yang dikendalikan oleh Kementerian Perpaduan dalam tempoh waktu 1971-74 adalah **Kelas Perpaduan Rakyat**. Kelas ini telah dimulakan untuk golongan yang berumur 15 tahun ke atas dan kurang fasih dalam Bahasa Melayu. Orang India mahupun Cina di kawasan luar bandar masih tidak menguasai bahasa Melayu ataupun Inggeris walaupun selepas merdeka, kedua-dua bahasa tersebut diajar di sekolah Tamil atau Cina.<sup>22</sup> Manakala, mereka yang tinggal di bandar hanya mahir dalam bahasa Inggeris. Jelas sekali, bidang pendidikan negara gagal dalam menggunakan bahasa Melayu secara berkesan untuk mengintegrasikan rakyat Malaysia. Keadaan ini juga berpunca daripada sikap orang India dan Cina yang lebih mementingkan bahasa

---

<sup>21</sup> *Malay Mail*, 25 January 1972.

<sup>22</sup> Keterangan oleh Puan Indra Devi pada 29.12.2002 di kediamannya Malim Jaya, Melaka. (Beliau belajar di sekolah Tamil pada tahun 1956 hingga 1962.)



ibundanya daripada bahasa Melayu dan kurangnya komunikasi dengan kaum lain.<sup>23</sup> Mereka masih tidak dapat menunjukkan kesetiaan terhadap negara yang mereka datang untuk mengadu nasib. Maka, memandangkan keadaan sedemikian, kementerian beranggapan pengoperasian kelas ini amat perlu untuk melahirkan rakyat yang bertanggungjawab ke arah menyumbangkan tenaga mereka terhadap pembangunan negara dan rakyat yang mempunyai penuh kuasa keinsafan terhadap diri, masyarakat dan negara dan rakyat yang menjunjung cita-cita Rukunegara.<sup>24</sup>

Walaupun Bahasa Melayu telah diterima sebagai bahasa kebangsaan tetapi pelaksanaannya tidak begitu berkesan sehingga tahun 1970-an. Bahasa Inggeris masih menguasai kebanyakan bidang pentadbiran dan pendidikan tinggi tanahair. Bahasa Inggeris tidak dapat menyatupadukan kesemua kaum dan lapisan masyarakat di Malaysia. Ramai penduduk Malaysia masih tinggal di kampung dan estet. Maka, Tun Sambanthan melihat Bahasa Melayu sebagai alat penyatuan rakyat Malaysia. Sasarannya adalah rakyat yang berumur 15 tahun ke atas. Golongan dewasa telah didedahkan dengan penggunaan Bahasa Melayu secara mudah dalam komunikasi harian. Kelas ini juga telah dimulakan di Sabah dan Sarawak. Pada tahun 1972 sebanyak 2,647 kelas dengan 65,725 orang telah didaftarkan.<sup>25</sup>

Pada awalnya kelas ini kurang mendapat sambutan di kalangan orang bukan Melayu. Ramai di antara yang berumur 15 tahun ke atas enggan menghadiri kelas perpaduan ini atas alasan tidak berpendidikan, bekerja dan tidak berminat. Selain

---

<sup>23</sup> Keterangan oleh Puan Chandra pada 29.12.2002 di kediamannya Muar, Johor. (Walaupun belajar di sekolah Tamil (1955-61), sehingga tahun 1978 beliau tidak boleh bertutur atau menulis bahasa Melayu secara lancar berbanding bahasa Inggeris).

<sup>24</sup> *New Straits Times Pamphlet*, "Ucapan Pengerusi Kerja Lembaga Perpaduan Negara, YAB Tun V.T. Sambanthan di upacara Pelancaran Majlis Perhubungan Masyarakat Kuala Terengganu, di Dewan Tunku Abdul Rahman, Kuala Terengganu pada 30hb Julai, 1978, jam 9.00 pagi," hlm. 7.

<sup>25</sup> *Sunday Mail*, 25 January 1972.

pengajaran Bahasa Malaysia, Tun Sambanthan berpendapat kesedaran sivik harus disemai dalam pemikiran seseorang di peringkat usia ini. Ini adalah penting kerana ramai orang India masih menganggap Malaysia sebagai tempat mengadu nasib dan India adalah tanahair mereka. Sebab itu, sehingga tahun 1970 ramai di antara orang India yang tinggal di estet masih tidak mempunyai kerakyatan dan mereka ini yang menerima kesan apabila pada tahun 1970 kerajaan mengeluarkan permit kerja sementara. Mereka yang tidak berani menghadapi keadaan mula meninggalkan Malaysia. Ini jelas membuktikan sikap dan perasaan mereka terhadap Malaysia yang hanya tempat untuk berdagang. Walaupun mereka sudah lama tinggal di Malaysia tetapi masih tidak menampakkan kesetiaan terhadap negara ini.

Memandangkan keadaan ini, Tun Sambanthan percaya bahawa kesedaran sivik perlu diterapkan dalam jiwa rakyat Malaysia. Sivik adalah semangat cintakan negara atau patriotisme yang harus dimiliki oleh seseorang terhadap tempat dia lahir dan hidup. Maka, **kursus Sivik** mula diajar dalam kelas Perpaduan Rakyat sehingga ia disertakan dalam kurikulum sekolah. Kelas-kelas ini juga banyak mengadakan ceramah-ceramah bercorak pemupukan nilai perpaduan. Di samping itu, banyak aktiviti luaran seperti gotong-royong, perayaan Hari Kebangsaan, Kem Belia dan lawatan-lawatan muhibah telah dirancang bagi pelajar kelas perpaduan ini. Tun Sambanthan beranggapan pembelajaran secara teori sahaja tidak dapat memupuk perpaduan malahan perlu ada aktiviti-aktiviti praktikal untuk membolehkan pelajar daripada pelbagai kaum dan keturunan berpeluang untuk bergaul mesra.

Dengan kerjasama Kementerian Penerangan dan Penyiaran, Kementerian Perpaduan telah menerbitkan satu rancangan TV Malaysia yang dinamakan **Kuiz Perpaduan**.<sup>26</sup> Peserta-peserta telah dipilih daripada pelajar kelas Perpaduan Rakyat.

Di antara program perpaduan di peringkat **sekolah** adalah pengenalan **matapelajaran Sivik** di sekolah-sekolah Malaysia pada tahun 1974.<sup>27</sup> Tun Sambanthan telah berbincang dengan Kementerian Pelajaran agar Sivik dimasukkan dalam kurikulum sekolah kerana beliau beranggapan umur 15 tahun agak tidak sesuai untuk belajar sivik kerana tempoh ini adalah lewat bagi seseorang untuk mempelajari atau mengetahui tentang negara. Sivik juga diserapkan dalam kurikulum sekolah untuk mewajibkan pengajaran dan pembelajarannya di peringkat sekolah rendah lagi.

Atas usaha Tun Sambanthan, beberapa **permainan tempatan** diperkenalkan di sekolah.<sup>28</sup> Permainan tradisional seperti gasing, congkak dan sebagainya disarankan untuk dijadikan aktiviti ko-kurikulum di sekolah agar generasi muda dapat mempelajari dan menghayati keindahan dan kehalusan budaya tempatan dan pada masa yang sama dapat menerapkan nilai cinta kepada negara.

Selain itu, satu **peraduan menulis esei** bertemakan Rukunegara telah diadakan untuk sekolah-sekolah kerajaan dan swasta di Wilayah Persekutuan.<sup>29</sup> Aktiviti seumpama ini bertujuan untuk menggalakkan golongan pelajar tentang penghayatan Rukunegara dan juga pemupukan perpaduan.

---

<sup>26</sup> Malaysia, **Perbahasan Parlimen, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, Penggal Kedua, Jilid 2, Bil. 33-43, Disember 1972-Januari 1973**, Jabatan Cetak Negara, Kuala Lumpur, 1973, Ruangan. 4936.

<sup>27</sup> *Straits Times*, 14 June 1974.

<sup>28</sup> *New Straits Times*, 26 August 1975.

<sup>29</sup> *Straits Times*, 14 March 1974.

Pada tahun 1972, Kementerian perpaduan telah menganjurkan program pertukaran pelajar. Ia telah melibatkan lebih 200 pelajar daripada tujuh negeri.<sup>30</sup> Program ini telah dimulakan bagi menginteraksikan pelajar daripada pelbagai bangsa dan keturunan. Dengan ini, mereka dapat mengetahui dan memahami budaya masing-masing. Nilai persaudaraan dan perpaduan telah dipupuk. Program ini telah mendapat sambutan baik dan kini ia telah dilanjutkan ke peringkat luar negeri.

Tun Sambanthan juga berpendapat segala program yang dirancang dan dilaksanakan oleh Kementerian Perpaduan perlu dirakamkan dan diedarkan ke seluruh Malaysia supaya rakyat Malaysia sedia maklum. **Balai Muhibah** adalah majalah penerbitan Kementerian Perpaduan sejak tahun 1972.<sup>31</sup> Ia telah dikeluarkan dua kali dalam sebulan dan dalam tiga bahasa utama, bahasa Melayu, Cina dan Tamil. Segala rancangan atau aktiviti yang dikendalikan oleh Program Perhubungan Masyarakat telah dipaparkan dalam majalah ini.

Dalam tempoh masa empat tahun (1971-74), Kementerian Perpaduan hanya dapat melaksanakan program Kelas Perpaduan Rakyat dan beberapa program di peringkat sekolah secara jayanya. Dilihat banyak perkara berhubung perpaduan rakyat hanya dibincang dan tidak ada pelaksanaan. Ini disebabkan oleh kejahilan masyarakat Malaysia terhadap erti perpaduan dan cara memupuknya. Walaupun, tugas untuk memupuknya mula dipikul oleh Kementerian Perpaduan sejak tahun 1971 tetapi ia telah dianggap sebagai tempoh yang terlalu awal. Maka, pelaksanaan program-program perpaduan agak meluas selepas tahun 1975 tetapi tidak boleh dikatakan agak menyeluruh. Pada tahun

---

<sup>30</sup> *Straits Times*, 9 December 1972.

<sup>31</sup> *Sunday Mail*, 25 January 1972. ( *New Sunday Times*, 25 March 1979-Pada tahun 1975, Balai Muhibah telah menyiarkan cerpen dan sajak yang dipertandingkan di peringkat sekolah dan juga untuk orang awam.

1975, Kementerian Perpaduan telah diturun taraf kepada Badan Panel Penasihat Perpaduan Negara dan diletakkan di bawah Jabatan Perdana Menteri.

Tun Sambanthan pernah disoal dalam Parlimen tentang keberkesanan melaksanakan program perpaduan. Dasar-dasar ekonomi, sosial dan pelajaran yang telah dilaksanakan jelas membuktikan objektif perpaduan selain menggunakan elemen Rukunegara. Dasar Ekonomi Baru dan Dasar Pelajaran 1960 adalah dua usaha kerajaan untuk menjaga kepentingan setiap kaum di Malaysia.

Tun Sambanthan telah menyeru rakyat Malaysia keluar daripada pemikiran politik *partisan*.<sup>32</sup> Parti-parti politik telah menggunakan isu-isu seperti bahasa, agama dan kebudayaan untuk kepentingan politik. Ini jelas telah merenggangkan hubungan antara kaum. Krisis 13 Mei 1969 adalah bukti yang nyata bagi sikap tidak bertanggungjawab parti-parti bersifat perkauman. Ada pihak telah mencadangkan agar Kementerian Perpaduan mengambil langkah untuk memansuhkan parti-parti politik bercorak perkauman.<sup>33</sup>

Tun Sambanthan tidak bersetuju dengan cadangan tersebut. Beliau telah meminta pihak pencadang agar mengimbas kembali sejarah politik tanahair. Kerjasama antara parti-parti perkauman yang telah mewujudkan Parti Perikatan dan telah mengorak langkah kepada kemerdekaan. Sekiranya, pada ketika itu Tun Sambanthan selaku wakil orang India dalam kerajaan mempersoalkan perlembagaan sepertimana didesak oleh orang di sekelilingnya sudah tentu mengeruhkan keadaan lagi.<sup>34</sup> Makna sebenar

---

Dari tahun 1977 hingga 1978, sebanyak 24 buah cerpen telah diterbitkan. Ia juga telah menganjurkan peraduan menulis cerpen. Para pemenang telah menggondol *Hadiah Sastera Perpaduan* berupa wang tunai.

<sup>32</sup> *Ibid.*, hlm. 5088.

<sup>33</sup> Malaysia, *Perbahasan Parlimen, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 1-21, April-Julai 1974*, Jabatan Cetak Negara, Kuala Lumpur, 1974.

<sup>34</sup> Perbincangan mengenai perkara ini dihuraikan dalam bab:4.

perpaduan hanya dapat direfleksikan melalui pemikiran rakyat Malaysia yang beranggapan bahawa mereka adalah bangsa Malaysia dan bukannya terdiri daripada pelbagai kaum dan keturunan.<sup>35</sup>

Tidak mungkin juga boleh wujud satu jenis jentera yang boleh menyatupadukan rakyat berbilang kaum. Malahan, tiada juga kelompok manusia yang puashati dengan keadaan hidup dalam negara yang mempunyai rakyat pelbagai bangsa dan keturunan. Sebab itu, asas kebudayaan nasional tidak pernah mendapat wajah sepenuhnya sejak ia diperkenalkan pada awal tahun 1970.

Kebudayaan nasional dalam ertikata sebenar adalah berteraskan kebudayaan rakyat asal rantau ini dan pada masa yang sama unsur-unsur kebudayaan lain yang sesuai bolehlah diterima atau diserapkan ke dalam kebudayaan kebangsaan Malaysia.<sup>36</sup> Bagi pelaksanaan idea ini, bahasa dan budaya Melayu telah dijadikan teras. Rakyat bukan berbangsa Melayu telah diseru supaya menerima dan mematuhi keseragaman ini. Bahasa Melayu dijadikan bahasa kebangsaan supaya menjadi alat komunikasi dan penyatuan rakyat Malaysia.

Kebudayaan nasional merupakan saluran yang kurang sesuai bagi mencapai perpaduan. Hanya Bahasa Melayu telah diterima sebagai bahasa kebangsaan tetapi dengan syarat bahasa-bahasa ibunda boleh dipelajari di sekolah. Bahasa vernakular seperti Cina dan Tamil tidak boleh digunakan dalam urusan rasmi. Pembentukan budaya nasional menjadi rumit kerana orang Cina dan India tidak dapat menerima budaya Melayu atau sebaliknya kerana ia melibatkan aspek agama dan kepercayaan.

---

<sup>35</sup> *Ibid.*, Ruangan. 74.

<sup>36</sup> *Ibid.*, Ruangan. 76.

Agama telah menjadi isu sentimen perkauman dan halangan utama dalam pembentukan budaya nasional.

Maka, apa yang dilihat sehingga sekarang, rakyat Malaysia tidak dapat disatukan dalam satu budaya nasional, walaupun, mereka saling hormat-menghormati kepercayaan dan adat resam kaum masing-masing. Tambahan pula, kepentingan kaum telah dilindungi dalam perlembagaan Malaysia. Walaupun kepelbagaian budaya telah dikatakan sebagai halangan dalam mencapai perpaduan tetapi Tun Sambanthan telah percaya bahawa "... *this diversity can be an asset and a source of strength - unity in diversity*".<sup>37</sup>

Pembentukan satu budaya tunggal berbentuk kebangsaan akan mengambil masa. Tun Sambanthan telah menyarankan agar mencapai perpaduan dalam perpecahan ini. Beliau telah menegaskan agar rakyat Malaysia bersikap liberal di mana anggotanya bebas mengamalkan agama, adat resam dan kebudayaan masing-masing dengan kepentingan perpaduan, bangsa dan negara. Harapannya adalah untuk mencipta 'satu masyarakat' yang berlatarbelakang berlainan kebudayaan itu boleh menguntungkan.<sup>38</sup>

Satu lagi halangan dalam mencapai perpaduan di antara kaum adalah jurang komunikasi. British telah menjalankan dasar 'Pecah dan Perintah' sehingga penduduk Malaysia terasing di antara satu sama lain. Rakyat Malaysia tidak suka bergaul mesra. Mereka telah melalui kehidupan tertutup dengan mengekalkan hubungan dalam kaum atau bangsa sendiri. Perkara ini telah menjadi faktor utama kepada kegagalan banyak program perpaduan yang telah dianjurkan oleh Kementerian Perpaduan. Ketiadaan interaksi telah melambatkan proses perpaduan dalam negara kita.

---

<sup>37</sup> Ibid., Ruangan. 5092.

<sup>38</sup> Ibid., Ruangan. 5088.

Kekurangan kakitangan bagi mengendalikan program perhubungan masyarakat<sup>39</sup> juga telah menjadi halangan untuk pelaksanaan program perpaduan. Maka, program ini tidak dapat diadakan secara meluas di seluruh pelusuk negara. Program-program perpaduan selalunya diadakan di bandar-bandar utama sahaja. Kekurangan kewangan dan kakitangan telah menyebabkan program perpaduan tidak dijalankan secara meluas. Tun Sambanthan telah berpendapat, pemupukan perpaduan adalah perkara asas yang sepatutnya diterapkan dan dipikul oleh kesemua kementerian.

Pada akhir tahun 1974(selepas pilihanraya), beliau dilantik sebagai Pengerusi Badan Panel Penasihat Perpaduan Negara di bawah portfolio Jabatan Perdana Menteri.<sup>40</sup> Sebelum perantikan ini iaitu pada 19hb September 1974, Tun Sambanthan telahpun dilantik sebagai Pengerusi Majlis Muhibah (*National Goodwill Authority*).<sup>41</sup> Beliau telah meneruskan usaha-usaha untuk merancang program-program perpaduan walaupun yang lama masih dikekalkan.

Pada tahun 1975, nama Majlis Perhubungan Awam telah bertukar kepada **Majlis Perhubungan Rakyat**. Walaupun, nama berubah tetapi fungsinya masih sama. Ia ditubuhkan di setiap bandar bagi menguruskan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan.<sup>42</sup> Salah

---

<sup>39</sup> *New Sunday Times*, 25 March 1979.

<sup>40</sup> *Straits Times*, 22 October 1974.

<sup>41</sup> *Ibid*.

<sup>42</sup> Majlis diuruskan oleh seorang setiausaha sepenuh masa dan dibantu oleh dua orang pegawai dengan mempengerusikan Pegawai Daerah atau Ketua Majlis Tempatan. Pada awalnya, majlis ditubuhkan di lapangan buah pusat bandar utama di wilayah Persekutuan, Pulau Pinang, Kulim, Teluk Anson, Seremban, Batu Pahat, Miri dan Tawau. Pelaksanaan dihadkan di kawasan bandar utama sahaja kerana peruntukan kerajaan sebanyak \$384,230.00 tidak memadai untuk menampung kos perbelanjaan aktiviti-aktiviti majlis. Sasaran Majlis adalah kumpulan rakyat berpendapatan rendah yang tinggal di kawasan-kawasan perumahan kos rendah dan setinggian. Majlis juga berfungsi untuk mengenalpasti dan mengatasi beberapa masalah bersabit dengan pelajaran, peluang pekerjaan, rekreasi, kesihatan dan perumahan. Majlis sangat bergantung kepada kerjasama yang akan dihulurkan oleh rakyat dan juga Jawatankuasa Tempatan di peringkat daerah. Beberapa siri dialog bersama rakyat telah dianjurkan agar rakyat tampil ke hadapan untuk mengemukakan masalah mereka.



satu program yang diteruskan adalah Kelas Perpaduan Rakyat. Bilangan rakyat yang menyertai kelas ini telahpun meningkat kepada 1,907,179 orang pada tahun 1978.<sup>43</sup>

Bermula pada tahun 1975, Majlis Perhubungan Rakyat telah mengendalikan kelas **Taman Bimbingan Kanak-kanak** atau **TABIKA**. Matlamatnya adalah agar membuka 300 kelas menjelang penghujung tahun 1979.<sup>44</sup> **TABIKA** telah ditubuhkan untuk kanak-kanak daripada luar bandar yang kurang mampu bagi mendapatkan pendidikan pra-sekolah. Walaupun pada awalnya ia kurang mendapat sambutan tetapi lama-kelamaan ia telah berjaya. **Tabika** telah dijadikan rumah asuhan bagi tujuan penjagaan dan pelajaran. Usaha murni ini telah melanjutkan idea penubuhan kelas tadika. Kelas tadika yang dikendalikan oleh kerajaan dikenali juga sebagai **Kelas Kemajuan Masyarakat** atau **KEMAS**. Ada juga cadangan untuk mencantumkan kedua-dua kelas ini supaya pelaksanaannya lebih berkesan. Penubuhan kelas-kelas ini menjelaskan bahawa pergaulan dan perhubungan di kalangan rakyat Malaysia perlu dimulakan di peringkat kanak-kanak lagi. Penubuhan **Tabika** dan **Kemas** adalah di antara usaha murni Tun Sambanthan dalam pemupukan perpaduan negara, yang berjaya pelaksanaannya sehingga sekarang.

Tun Sambanthan juga tidak lupa akan golongan belia semasa merancang program perpaduan kerana mereka adalah tulang belakang bagi pembangunan sesebuah negara. Di bawah program perhubungan masyarakat, pusat-pusat rekreasi<sup>45</sup> di tempat-tempat

---

<sup>43</sup>New Straits Times, 25 March 1979.

<sup>44</sup>New Straits Times Pamphlet, "Ucapan V.T. Sambanthan. Upacara Perasmian Mesyuarat Tahunan Setiausaha-setiausaha Majlis Perhubungan Masyarakat di Hotel Orkid, Johor bahru pada 27hb Mac 1979, jam 8.30 pagi," hlm. 4.

<sup>45</sup>New Straits Times, 31 July 1977 dan New Straits Times, 25 August 1977. (Tun Sambanthan telah ke London untuk mempelajari tentang hubungan antara manusia, pembangunan dan perkhidmatan masyarakat, latihan dan pemulihan dadah. Sekembalinya dari London, Sambanthan telah memulakan program belia. Beliau juga telah mencadangkan setiap pangsapuri memperuntukan satu tingkat sebagai pusat kegiatan belia.)

kediaman, Pesta Permainan Rakyat,<sup>46</sup> latihan kemahiran dan vokasional<sup>47</sup> dan pertandingan bakat<sup>48</sup> telah dilaksanakan.

Kesemua masalah yang mencengkam Kementerian Perpaduan dari tahun 1971 hingga 1974, masih berterusan selepas tahun 1975 hingga tahun 1979. Fungsi Badan Panel Penasihat Perpaduan Negara menjadi lebih bermakna apabila ia bertindak sebagai badan penasihat kepada Kementerian-kementerian lain. Peranan Badan tidak begitu terserlah seperti sebelum tahun 1974. Tun Sambanthan tidak dapat menjalankan tugasnya dengan sempurna kerana gangguan kesihatan dan dinasihatkan untuk berehat. Sekiranya, beliau tidak meninggal dunia pada tahun 1979 kemungkinan sekali tugas Pengerusi masih dipikul olehnya.

Kementerian Perpaduan telah ditubuhkan sebagai kesan langsung daripada peristiwa 13 Mei 1969. Tun Sambanthan bersama dengan pegawai-pegawai bawahan lain telah menyusun pelbagai program kemasyarakatan bagi memupuk perpaduan antara orang Melayu, Cina dan India, yang masih tidak bersatupadu sebagai bangsa Malaysia untuk memecahkan dasar 'Pecah dan Perintah' yang diasaskan oleh orang British. Beliau tidak berjaya sepenuhnya dalam mencapai matlamat penubuhan Kementerian Perpaduan dan kemudiannya, Badan Panel Penasihat Perpaduan Negara kerana adanya

---

<sup>46</sup>Malay Mail, 18 December 1975. Badan Panel Penasihat Perpaduan Negara telah melancarkan buku-buku berkaitan dengan permainan waktu lapang dan dalaman.

<sup>47</sup>New Straits Times Pamphlet, "Ucapan V.T. Sambanthan, Pengerusi Kerja Lembaga Perpaduan Negara di Majlis Pertandingan gubahan kek dan buah-buahan dan penyampalan sijil vokasional di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang pada 17hb. Disember 1978, jam 10.00 pagi" dan New Sunday Times, 25 March 1979. (Ia bertujuan untuk memberikan latihan asas yang berguna seperti kelas pertukangan tembaga (*copper-tooling*) dan fotografi, mengasas bakat terpendam dan memberi keyakinan kepada beliau untuk memulakan perniagaan sendiri.)

<sup>48</sup>New Straits Times Pamphlet, "Ucapan oleh YAB V.T. Sambanthan, Pengerusi Kerja Lembaga Perpaduan Negara di Majlis Pertandingan Bakat Perpaduan di Dewan Sri Pinang, Pulau Pinang pada 15hb. Disember 1978, jam 7.30 malam." (Pertandingan bakat diadakan di peringkat daerah bertujuan menghibur, memupuk muhibah dan persefahaman melalui pengaulan sesama peserta dan penonton. Dalam pertandingan ini bakat mengubah kek, buah-buahan dan sebagainya telah diuji.)

beberapa halangan dan masalah. Yang utama adalah kurangnya kesedaran dan kerjasama masyarakat Malaysia terhadap program-program perpaduan negara. Program-program anjuran Kementerian Perpaduan adalah ditujukan kepada semua kaum supaya hasilnya dirasai bersama bagi kebaikan negara. Seperti kata beliau, sukar untuk mengukur kejayaan sebab perkara ini bersifat subjektif; hanya memadai dengan melihat keadaan rakyat hidup aman dan damai.<sup>49</sup>

---

<sup>49</sup> Malaysia, **Perbahasan Parlimen, Dewan Rakyat, Parlimen Ketiga, Penggal Keempat, Jilid IV, Bil. 1-21, April-Julai, 1974**, Jabatan Cetak Negara, Kuala Lumpur, 1974.